



# Info ICT

MAKLUMAT DI HUJUNG JARI

## Tahukah anda ?

Aplikasi yang menyediakan ruang simpanan untuk file anda secara online aplikasi. Aplikasi ini boleh dicapai menggunakan komputer desktop, Laptop, tablet maupun android. Aplikasi ini akan mencipta satu folder baru didalam komputer anda secara automatik dan folder itu sama macam folder dalam komputer anda. Bezanya ialah setiap kali anda masukkan fail ke dalam folder tersebut, fail akan diupload secara automatik ke dalam folder anda yang terletak secara online. Maknanya anda boleh akses ke dalam folder anda walau dimana anda berada. (macam pen-drive versi online). Antara aplikasi tersebut ialah :-



# 5 Tips Bijak BlackBerry

Tip asas yang perlu dititik beratkan

---

## 1. Bersihkan Event Log

BlackBerry anda akan menjaki semua perkara secara mutlak dalam usaha untuk membantu prestasi melalui proses ‘debugging’ dan ‘troubleshooting’ yang digelar Event Log. Jika anda membersihkan secara berkala Event Log ini, ia akan dapat membantu masalah prestasi telefon pintar anda yang lambat agar berkelajuan yang dinginkan.

Caranya :

Daripada ikon Skrin Utama (Home Screen), tekan dan tahan kekunci ALT dan pada masa yang sama taip aksara ‘LGLG’. Menu skrin Event Log akan ditunjukkan. Tekan kekunci Menu dan pilih ‘Clear Log’. Kemudian pilih ‘Delete’ untuk mengesahkan sebelum menekan kekunci ESCAPE untuk kembali ke Skrin Utama.

# 5 Tips Bijak BlackBerry

Tip asas yang perlu dititik beratkan

---

## 2. Beralih antara program

Untuk lebih memudahkan serta menambah kelincahan penggunaan BlackBerry, anda boleh bertukar-tukar program pada BlackBerry tanpa perlu melakukan banyak gerakan.

Caranya :

Tekan dan tahan kekunci ALT dan butang ESCAPE pada masa yang sama. Teruskan menekan kekunci ALT dan gunakan bebola untuk tatal ke program yang anda inginkan. Lepaskan kekunci ALT apabila anda telah selesai.

# 5 Tips Bijak BlackBerry

Tip asas yang perlu dititik beratkan

---

## 3. Tutup sistem secara automatik

Sekali-sekala pengguna telefon pintar ingin berhenti seketika daripada dunia telekomunikasi dan mengelak menerima panggilan yang tidak perlu, ingin senyap. Sama ada tidur atau pun setelah menyemak jadual seharian. Untuk itu, anda boleh menutup sistem BlackBerry anda secara automatik. Bukan sahaja menjimatkan bateri, malah anda tidak perlu kerap *reboot* secara manual ataupun mencabut baterinya.

Caranya :

Klik pada ikon Options dan pilih Auto On/Off. Selepas itu, pilih Enables daripada menu *drop-down* bersebelahan Weekday dan seterusnya tetapkan masa yang anda inginkan. Anda juga boleh menetapkan secara automatik buka dan tutup BlackBerry anda pada hujung minggu. Klik butang Menu dan pilih Save setelah selesai.

# 5 Tips Bijak BlackBerry

Tip asas yang perlu dititik beratkan

---

## 4. Pelayar web perlahan?

Mungkin ini masalah terbesar yang dihadapi pengguna BlackBerry tetapi tidak tahu penyelesaiannya. Mudah saja, kosongkan dan padamkan Cache untuk peningkatan konsistensi pelayar web anda.

Caranya :

Klik pada ikon pelayar web anda terlebih dahulu. Klik kekunci Menu dan pilih ‘Options’. Selepas itu, pilih ‘Cache Operations’ dan klik ‘Clear History’. Seterusnya anda perlu klik pada butang ‘Clear’ di bawah. Jawab ‘Yes’ bila ditanya mengenai mengosongkan ‘Pushed Content’. Apabila selesai, klik ESCAPE beberapa kali untuk kembali pada pelayar web.

# 5 Tips Bijak BlackBerry

Tip asas yang perlu dititik beratkan

---

## 5. Padam e-mel atau mesej

Tentu sukar untuk memadam e-mel atau mesej yang berlambakk-lambak masuk ke akaun atau peti masuk anda. Sesetengah pengguna BlackBerry tidak tahu cara untuk memilih dan memadamkan kesemuanya secara serentak.

Caranya :

Untuk memadam berdasarkan pada hari tertentu, gerakkan dan pergi kepada penyataan tarikh dalam mesej atau e-mel anda. Tekan butang menu dan pilih ‘Delete Prior’.